

Tarikan pakaian Vintage Ido

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@
bh.com.my

↳ Serdang



Ido menunjukkan
sebahagian koleksi pakaian
vintage di butiknya.

Minat mendalam terhadap pakaian 'vintage' membawa pelajar Sarjana Sains Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Raudhotuljannah Mohd Misban, 28, ke dunia perniagaan pakaian klasik itu.

Bermodalkan RM300 daripada wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), anak kelahiran Dengkil, Selangor ini mula berjinak-jinak dalam dunia perniagaan dengan menjual selendang pada tahun 2008.

Teruja dengan keuntungan



Ido berhasrat mengembangkan perniagaan dengan **membuka cawangan di IPTA**.

yang diperoleh sehingga mencecah RM3,000, beliau kemudian beralih angin kepada perniagaan pakaian 'vintage' selepas melakukan tinjauan di beberapa kedai yang menjual pakaian terpakai di sekitar Selangor.

Pemilik butik She's Idore Vintage Shop yang lebih senang disapa sebagai 'Ido' itu berkata, kajian dilakukan mendapati peminat pakaian klasik ini terdiri daripada golongan yang suka tampil berbeza kerana rekaan pakaian yang dibeli di pasar raya besar kebanyakannya lebih kurang sama.

Mula berniaga pada tahun 2010, Ido bagaimanapun mengakui banyak cabaran terpaksa dihadapi pada awal perniagaan khususnya mendapatkan pengedar yang boleh menawarkan stok pada harga rendah.

"Saya akhirnya berjaya mendapatkan tiga pengedar pakaian lama berjenama buatan Jepun dan China sekali gus memudahkan saya mendapatkan stok pakaian.

"Hakikatnya, pakaian ini bukanlah pakaian terpakai sebaliknya stok lama bergred A yang tidak pernah dipakai dan ia dijual kepada mereka yang berminat," katanya ketika ditemui di butiknya di Seri Serdang, baru-baru ini.

Strategi promosi

Memanfaatkan penggunaan laman sosial seperti Facebook dan Instagram sebagai strategi mempromosikan perniagaan, beliau turut dibantu kakitangan yang berperanan menguruskan urusan perniagaan dalam talian.

Ido berkata, pihaknya menawarkan harga yang berpatutan bagi setiap koleksi iaitu RM30 bagi jaket, blazer dan seluar jeans selain harga promosi RM100 bagi padanan tudung, jaket, kain atau seluar.

"Harga yang kami tawarkan sememangnya munasabah kerana pelanggan kami terdiri daripada pelbagai peringkat termasuk pelajar, malah turut menjadi sebahagian daripada strategi menghabiskan stok pakaian dengan lebih cepat.

INFO

She's Idore Vintage Shop

Harga jaket, jeans, skirt: RM30

Harga padanan selendang vintage, jaket, kain: RM100

Butik: 13-2, Jalan 18/233A, Taman Seri Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Facebook: sheidorevintage dan She's Idores Shawl

Instagram: Leidorvintage

"Selain jualan atas talian, saya juga memperkenalkan sistem 'dropship' untuk She's Idores Vintage yang RM10 akan diberikan kepada pelanggan bagi setiap RM30 hasil jualan mereka," katanya yang turut menjual aksesori vintage.

Ido berkata, peluang perniagaan yang diperoleh hasil bantuan UPM yang banyak memberi pendedahan latihan mengenai ilmu perniagaan menerusi bengkel Lab Minda Keusahawanan anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM).

"Alhamdulillah, kini saya mampu meraih keuntungan kira-kira RM9,000 sebulan dan kini sibuk mengumpul modal untuk membuka cawangan di setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA)," katanya.